

1. Hasil perbendaharaan dalam Kesultanan Melayu Melaka akan disalurkan untuk kepentingan kerajaan. Apakah yang dilakukan oleh kerajaan Melaka akan hasil tersebut?

I Membeli senjata
II Membina istana
III Membina jalan
IV Membina kapal perang

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

2. Undang-undang Laut Melaka diusahakan oleh beberapa orang nakhoda. Siapakah yang memperkenalkan undang-undang tersebut?

A Sultan Mahmud Shah
B Sultan Muzaffar Shah
C Sultan Alauddin Shah
D Sultan Mansur Shah

3. Gerakan Propaganda yang dipelopori oleh Jose Rizal gagal mencapai matlamatnya menentang Sepanyol. Apakah tindakan beliau seterusnya?

I Membentuk Liga Filipina
II Bekerjasama dengan Amerika
III Melancarkan revolusi bersenjata
IV Melakukan perubahan politik

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

4. Maklumat berikut berkenaan kesan perkembangan nasionalisme dalam negara kita.

Lepasan SITC menunjukkan peningkatan daripada 58 orang pada bulan Mac 1924 kepada 141 orang pada bulan September 1940

Apakah kesan daripada pernyataan tersebut?

A Mengangkat martabat wanita
B Menjaga kebajikan
C Menulis majalah
D Meningkatkan pendidikan


5. Setem pos Jerman tahun 1938 berikut diterbitkan untuk meraikan hubungan erat Hitler (Jerman) dengan Mussolini (Itali).



Apakah slogan yang digunakan dalam setem tersebut?


- A Semangat waja tentera
 - B Bersama menyatukan dunia
 - C Dua orang dalam satu perjuangan
 - D Kawasan kesemakmuran Eropah
6. Layanan kejam tentera Jepun menyebabkan sebahagian orang Cina mencari perlindungan di bawah Parti Komunis Malaya (PKM). Apakah sebab orang Cina berbuat demikian?
- A Mengelakkan dibunuh
 - B Penentangan sukarela
 - C Perjanjian kerjasama
 - D Memperoleh bantuan
7. Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan kewarganegaraan melalui prinsip *jus soli* yang menjadi asas kewarganegaraan Malayan Union?
- I Lahir di tanah Melayu dan Singapura
 - II Imigran berdagang di Negeri-negeri Selat
 - III Berumur 15 tahun ke atas dan bermastautin 10 tahun
 - IV Berumur 18 tahun ke atas dan bermastautin 10 tahun
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

8. Gambar berikut berkenaan perwakilan Kongres Melayu yang diadakan di Bangunan Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur. Kongres ini berlangsung dari 1 hingga 4 Mac 1946.



- Apakah persetujuan yang tercapai dalam kongres ini?
- A Merdeka dalam masa 4 tahun
 - B Membubarkan Malayan Union
 - C Menubuhkan United Malays National Organisation (UMNO)
 - D Berkabung pada hari pengisytiharan Malayan Union
9. Antara berikut, yang manakah cadangan PUTERA dalam perlembagaan Rakyat?
- I Kedudukan Bahasa Melayu
 - II Sebuah kerajaan pusat yang kuat
 - III Kedudukan istimewa orang Melayu
 - IV Syarat kewarganegaraan Tanah Melayu
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
10. Pada 1 Februari 1948, Persekutuan Tanah Melayu telah dibentuk untuk menggantikan Malayan Union. Mengapakah orang Melayu menerima perjanjian tersebut?
- A Parti politik digabungkan
 - B Berkuasa mengawal pentadbiran
 - C Syarat kewarganegaraan dipermudah
 - D Kedudukan istimewa orang Melayu dilindungi

11. Rajah berikut berkaitan dengan zaman darurat di Tanah Melayu



Apakah X?

- A Pasukan askar Komanvel
 - B Sarawak Rangers
 - C Pasukan tentera Jepun
 - D Pasukan tentera Bersekutu
12. Kerajaan Persekutuan terpaksa membelanjakan wang lebih daripada \$7 juta antara tahun 1950 hingga tahun 1953. Mengapakah perbelanjaan tersebut dibuat?
- A Mengukuhkan pertahanan
 - B Meningkatkan sumber makanan
 - C Membangunkan kampung baru
 - D Membangunkan kawasan luar bandar
13. Antara berikut, isu yang manakah perlu diselesaikan oleh Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC)?
- I Sukatan pelajaran
 - II Kewarganegaraan bukan Melayu
 - III Kedudukan ekonomi orang Melayu
 - IV Pilihan Raya Perundangan Persekutuan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

14. Maklumat berikut merujuk satu laporan jawatankuasa pendidikan di Tanah Melayu.

Jawatankuasa X
Semua murid daripada pelbagai bangsa disatukan dalam satu sistem berorientasikan Tanah Melayu

Apakah jawatankuasa X?

- A Laporan Fenn-Wu
- B Ordinan Pelajaran 1952
- C Laporan Woodhead 1955
- D Jawatankuasa Pelajaran 1956

15. Gambar berikut menunjukkan suasana pilihan raya di Tanah Melayu.



Apakah tujuan pilihan raya diadakan di Tanah Melayu pada ketika itu?

- A Membetulkan pandangan politik
- B Langkah ke arah berkerajaan sendiri
- C Melatih orang tempatan dalam pentadbiran
- D Rakyat berpeluang memilih pemimpin

16. Setelah berlangsungnya Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955, negara kita melalui perubahan dalam kepimpinan dan pentadbiran.

Apakah peranan Majlis Perundangan Persekutuan?

- A Melantik Pegawai Pentadbiran Kerajaan
- B Merancang perkembangan ekonomi negara
- C Melaksanakan dasar-dasar kerajaan Persekutuan
- D Menggubal undang-undang Persekutuan Tanah Melayu

17. Apakah perkara yang diminta oleh pihak British dalam peristiwa rundingan kemerdekaan di London?

- I Isu keselamatan dalam negeri
- II Hal kewangan
- III Perjanjian Pertahanan
- IV Bantuan Bersama

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

18. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu ditandatangani oleh Raja-raja Melayu dengan British pada 5 Ogos 1957. Apakah perkara yang terkandung dalam perjanjian tersebut?

- A Pendidikan kebangsaan
- B Tanah simpanan Melayu
- C Sistem Demokrasi Berparlimen
- D Pengalaman Raja monarki

19. Karya berikut menceritakan perjuangan seorang tokoh pejuang kemanusiaan.

Long Walk to Freedom

Siapakah tokoh tersebut?

- A Nelson Mandela
- B Rashid Rida
- C Mahatma Gandhi
- D Sayyid Jamal al-Din al-Afghani

20. Berikut merupakan lambang kebangsaan.

- Jata Negara
- Lagu Kebangsaan
- Bendera Kebangsaan

Apakah simbol bagi lambang-lambang ini?

- A Kemajuan
- B Perpaduan
- C Kekuasaan
- D Perjuangan

21. Bagaimanakah rakyat boleh memainkan peranan mengekalkan perpaduan kaum?

- A Menghayati prinsip Rukun Negara
- B Menyokong usaha dan dasar kerajaan
- C Menganggotai pasukan sukarelawan
- D Menghargai adat dan warisan negara

22. Kedaulatan negara kita adalah berlandaskan jenis kedaulatan tradisional.

Apakah bukti untuk menyokong pernyataan tersebut?

- A Kekuasaan Raja-raja Melayu
- B Kerjasama semua rakyat
- C Kecemerlangan sosioekonomi
- D Keupayaan menentang penjajahan


23. Senarai berikut berkaitan dengan usaha kerajaan selepas memperoleh kedaulatan negara.

- Bahasa Kebangsaan
- Dasar Kebudayaan Kebangsaan

Apakah matlamat usaha tersebut?

- A Memajukan bidang ekonomi
- B Menghalang pemusatan kuasa
- C Menyekat kedatangan imigran
- D Memupuk perpaduan rakyat

24. Berikut merupakan Akta dan Ordinan Negeri-negeri Selat 1886



Apakah kuasa yang terlibat dalam penggubalan undang-undang tersebut?

- A Parlimen
- B Majlis Negeri
- C Majlis Undangan Negeri
- D Dewan Undangan Negeri

25. Maklumat berikut berkaitan dengan bidang kuasa mahkamah.

Mendengar mana-mana persoalan perlembagaan dan pertikaian antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Apakah mahkamah tersebut?

- A Mahkamah Atasan
- B Mahkamah Rayuan
- C Mahkamah Persekutuan
- D Mahkamah Tinggi Borneo

26. Apakah fungsi Majlis Raja-Raja?

- I Menguruskan pilihan raya
- II Menjadi Lembaga Pengampunan
- III Memilih Yang di-Pertuan Agong
- IV Meluluskan belanjawan negara

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

27. Apakah badan pemerintahan yang berkuasa untuk menyelesaikan konflik antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri?

- A Majlis Raja-Raja
- B Badan Eksekutif
- C Badan Kehakiman
- D Badan Perundangan

28. Mengapakah Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah diberi kuasa tambahan dalam pentadbiran?

- A Mengatasi ancaman komunis
- B Kemajuan bidang sosioekonomi
- C Mempertingkatkan keselamatan negeri
- D Bergabung dalam pembentukan Malaysia


29. Pengisytiharan berikut dilakukan oleh Tun Abdul Razak Hussein pada tahun 1972.

Rajang Area Security Command (RASCOM) atau
Pemerintahan Keselamatan Kawasan Rajang

Mengapakah pengisytiharan tersebut dilakukan?

- A Pencerobohan pengganas luar
- B Pertikaian sempadan kawasan
- C Peningkatan ancaman komunis
- D Pemberontakan penduduk tempatan

30. Rajah berikut menunjukkan faktor pembentukan Malaysia dari segi politik.



Apakah X?

- A Kestabilan
- B Keamanan
- C Kedaulatan
- D Kemerdekaan

31. Perjanjian Malaysia atau Malaysia Agreement (MA63) telah ditandatangani pada 9 Julai 1963 di London.

Apakah prinsip utama perjanjian tersebut?

- A Hak yang sama
- B Perpaduan rakyat
- C Kerjasama ekonomi
- D Meningkatkan taraf hidup

32. Kempen berikut digunakan oleh Lee Kuan Yew.

Malaysian Malaysia

Apakah tuntutan Lee Kuan Yew dalam kempen tersebut?

- A Persamaan hak antara kaum
- B Pembatalan institusi beraja
- C Pengenalan sistem republik
- D Perubahan bentuk pentadbiran

33. Strategi Counterinsurgency (COIN) ialah mewujudkan jalinan kerjasama pelbagai pihak untuk memerangi ancaman komunis.

Apakah pihak yang terlibat dalam jalinan kerjasama tersebut?

- I Golongan Raja
- II Orang Perseorangan
- III Agensi kerajaan
- IV Ahli politik

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

34. Akta Bahasa Kebangsaan termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957. Apakah kepentingan pengenalan akta tersebut?

- A Memupuk perpaduan rakyat
- B Mewujudkan masyarakat berilmu
- C Mengekalkan kedaulatan negara
- D Mengatasi pengaruh bahasa asing

35. Gambar berikut berkaitan sukan yang telah dianjurkan Malaysia.



Sukan Permotoran Formula 1



Le Tour de Langkawi

Apakah tahap penganjuran sukan tersebut?

- A Sukan negara
- B Sukan tahunan
- C Sukan serantau
- D Sukan antarabangsa

36. Mengapakah kerajaan membangunkan industri kecil dan sederhana (IKS)?

- A Mengatasi pencemaran alam
- B Menambah daya pengeluaran
- C Memodenkan sektor pertanian
- D Menyusun semula masyarakat

37. Jadual berikut menunjukkan pencapaian negara mengatasi kadar kemiskinan.

Tahun	Kadar Penurunan Kemiskinan (%)
1970	49.3
1990	17.1
2000	7.2

Apakah faktor penurunan kadar kemiskinan tersebut?

- A Keadaan negara aman
- B Keberkesanan DEB dan DPN
- C Keselamatan negara dipertingkatkan
- D Masyarakat maju

38. Malaysia telah mengamalkan dasar luarnya yang tersendiri. Apakah matlamat penggubalan dasar luar tersebut?

- I Menjamin kemerdekaan
- II Mengekalkan kedaulatan
- III Memajukan sistem politik
- IV Mendapatkan perlindungan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

39. Bagaimanakah usaha Malaysia menangani kawalan harga minyak dan gas negara oleh negara maju?

- A Menaikkan kadar cukai
- B Menubuhkan PETRONAS
- C Mengadakan perjanjian FPDA
- D Mengamalkan dasar berkecuali

40. Senarai berikut berkaitan undang-undang yang dikuatkuasakan menerusi Konvesyen PBB.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">● Protokol PBB● Hak Kanak-Kanak 1989 |
|---|

Apakah tujuan penguatkuasaan undang-undang tersebut?

- A Memboikot produk barangan
- B Menentang pencerobohan sempadan
- C Memerangi pemerdagangan orang
- D Mengatasi wabak penyakit

KERTAS SOALAN TAMAT